

ASPEK FONOLOGI DAN LEKSIKAL BAHASA ORANG ASLI CHE WONG

(Phonological and Lexical Aspects of the Language of the Che Wong Aboriginal People)

Norajihah Muda*
mnorajihah@gmail.com

Zaitul Azma Zainon Hamzah
zazh@upm.edu.my

Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia.

Terbit dalam talian (*published online*): 1 Januari 2021

Sila rujuk: Norajihah Muda dan Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2021). Aspek Fonologi dan Leksikal Bahasa Orang Asli Che Wong. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 14(1), 69–100.

Abstrak

Masyarakat orang asli di Malaysia terbahagi kepada tiga kelompok utama, iaitu Senoi, Negrito dan Melayu Proto. Suku orang asli Che Wong tergolong dalam kelompok orang asli Senoi. Sebahagian besar masyarakat orang asli Che Wong tinggal di Pahang terutamanya di perkampungan Sungai Enggang Kuala Gandah Pahang. Berdasarkan pemerhatian terdapat pengaruh bahasa Melayu dalam bahasa natif orang asli Che Wong kerana wujudnya dominasi bahasa utama, iaitu bahasa Melayu dalam proses komunikasi masyarakat orang asli Che Wong. Kajian ini memfokuskan aspek bahasa Che Wong yang digunakan sebagai alat komunikasi di Kampung Sungai Enggang Kuala Gandah, Pahang. Informan dalam kajian ini terdiri daripada penutur natif suku Che Wong. Tujuan kajian ini adalah untuk menghuraikan aspek fonologi dan leksikal bahasa suku orang Asli Che Wong dengan menggunakan pendekatan linguistik struktural. Pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif untuk menganalisis data yang diperolehi melalui teknik rakaman dan lafaz. Pentranskripsian dilakukan menggunakan *Symbol International Phonetic Alphabet (IPA)* bersumberkan data kosa kata bahasa Che Wong berdasarkan senarai Swadesh dan kelas kata bertema. Berasaskan kajian, didapati bahawa bahasa Che Wong

mempunyai lapan fonem vokal dan 20 fonem konsonan. Berdasarkan leksikal bertema pula pengkaji mendapati terdapat perbezaan dan persamaan antara bahasa Che Wong dengan bahasa Melayu. Dalam kosa kata bertema kategori peralatan rumah khususnya terdapat persamaan penggunaan kosa kata antara bahasa Che Wong dengan bahasa Melayu. Namun begitu, secara keseluruhan penggunaan kosa kata banyak mengekalkan bahasa Che Wong sendiri. Kajian terhadap bahasa orang asli suku Che Wong yang meliputi aspek fonologi dan leksikal dilakukan agar struktur bahasa ini didokumentasikan secara terperinci, dan memastikan kelangsungan bahasa ini agar tidak pupus di telan zaman.

Kata kunci : Orang asli, Che Wong, Senoi, bahasa, fonologi, leksikal

Abstract

The aboriginal peoples of Malaysia, the Orang Asli, belong three main groups, namely the Senoi, Negrito and Proto Malays. The Che Wong is a tribe belonging to the Senoi peoples. A large portion of the Che Wong tribe live in Pahang, especially in villages in the areas of Sungai Enggang in Kuala Gandah, Pahang. Based on observation, the Malay language, as a dominant communication language, has influenced the language of the Che Wong tribe. This study focuses on the aspects of the Che Wong language as a medium of communication in Kampung Sungai Enggang, in Kuala Gandah, Pahang. The informants for this study were native speakers of the Che Wong community. The objective of this study was to explain the phonological and lexical aspects of the Che Wong language, using the approach of structural linguistics. The researcher employed a qualitative approach to analyse data obtained through recordings and pronunciation techniques. Transcription was done using symbols of the International Phonetic Alphabet (IPA), with Che Wong vocabulary data based on the Swadesh list and themed word classes. From the analysis, it is found that the Che Wong language has eight vocal phonemes and 20 consonantal phonemes. Based on the themed lexical items, the research also found that there are similarities and differences between the Che Wong and Malay languages. In the themed vocabulary data concerning household items, especially, there are similarities between the Che Wong and Malay languages. However, on the whole, the vocabulary retains much of the Che Wong language. A study of the Che Wong language covering phonological and lexical aspects should be performed to further examine the structure of this language, and to ensure its survival over time.

Keyword : Orang asli, Che Wong, Senoi, language, phonology, lexical

PENDAHULUAN

Orang asli merupakan sebahagian daripada masyarakat berbilang bangsa di Malaysia. Masyarakat orang asli di Malaysia dikelompokkan kepada tiga kumpulan utama, iaitu kelompok Senoi, Negrito dan Melayu-Proto. Menurut Nicholas (2000), orang asli bermaksud “yang tulen” atau masyarakat pertama yang mendiami Semenanjung Tanah Melayu. Menurut Mat Jidin (1994) masyarakat orang asli merupakan penduduk awal di Semenanjung Malaysia dan telah tinggal di sini hampir 7000 tahun lamanya. Kebanyakan mereka berasal dari wilayah Khmer atau Kemboja. Mereka menjadi pemburu dan tinggal di dalam gua batu. Kehidupan masyarakat ini lebih banyak berkisar di dalam hutan sahaja. Namun begitu, kehidupan masyarakat orang asli mula berubah sebelum Malaysia mencapai kemerdekaan lagi, iaitu semasa pendudukan Jepun di Semenanjung Tanah Melayu (1941-1945). Menurut Carey (1976), masyarakat orang asli hanya berpindah sejauh 200 kilometer sepanjang tempoh dua generasi. Bagi suku Melayu-Asli kehadiran masyarakat ini pula agak terkemudian, iaitu kira-kira 5000 tahun yang lalu. Menurut kebanyakan sarjana, kumpulan masyarakat Melayu-Asli merupakan penghijrahan terakhir berbanding dengan suku bangsa orang asli yang lain. Mereka telah sampai ke Malaysia sekitar 5000 tahun yang lalu.

Masyarakat orang asli, menurut Abdul Talib (2003), mendiami seluruh kawasan di Semenanjung Malaysia yang meliputi utara Malaysia-Thailand sehingga ke Selat Johor di selatan. Kebanyakan orang asli tinggal di Kelantan dan di kawasan Banjaran Titiwangsa. Sebanyak 60% masyarakat orang asli tinggal di kawasan antara, 2000 kaki hingga 6000 kaki dari paras laut. Selebihnya mendirikan penempatan di tanah rendah berhampiran kampung Melayu, terutamanya masyarakat orang asli di pantai barat dan pantai timur semenanjung. Masyarakat orang asli yang membangunkan

Jadual 1 Kelompok etnik orang asli di Malaysia.

Negrito	Senoi	Melayu-Proto
Kintan	Semai	Temuan
Kensiu	Temiar	Semelai
Menriq	Jah Hut	Jakun
Bateq	Che Wong	Orang Kanaq
Lanoh	Semoq Beri	Orang Seletar
Jahai	Mah Meri	Orang Kuala

(Sumber: Jabatan Kemajuan Orang Asli)

petempatan di pesisir pantai pula, kebanyakannya terdapat di kawasan pantai Selangor, Johor dan Pahang. Secara tradisi, orang asli hidup dalam komuniti yang kecil. Selalunya, dalam satu-satu kawasan atau petempatan, masyarakat orang asli tinggal di kampung. Mereka sama ada tinggal di kampung tradisional mahupun di petempatan baharu yang disediakan oleh kerajaan.

Orang asli di Malaysia merupakan kaum minoriti yang tidak bersifat homogen. Masyarakat ini bersifat heterogen kerana terdapat perbezaan unik dari segi sosiobudaya dan psikososio-kognitif bagi setiap kaum. Hal ini berkaitan dengan latar belakang komuniti orang asli itu sendiri yang terdiri daripada tiga suku kaum utama dalam komuniti orang asli, iaitu Senoi, Melayu Proto dan Negrito. Setiap kaum itu pula mempunyai enam suku yang berbeza-beza dan menjadikan orang asli di Malaysia terdiri daripada 18 suku bangsa secara keseluruhannya.

KELOMPOK SENOI

Kelompok Senoi terdiri daripada enam suku, iaitu suku Semai, Temiar, Jah Hut, Che Wong, Semoq Beri dan Mahmeri. Menurut bancian penduduk orang asli pada tahun 2012, pecahan penduduk masyarakat orang asli bagi suku bangsa Senoi ialah Temiar (31 038 orang), Semai (51 313 orang), Semoq Beri (5313 orang), Che Wong (651 orang), Jahut (5618 orang) dan Mahmeri (3799 orang). Orang asli dalam kelompok Senoi kebanyakan mendiami kawasan di negeri Perak, Pahang, Kelantan, Terengganu dan Selangor. Orang asli Che Wong banyak mendiami kawasan di sekitar negeri Pahang. Orang asli suku bangsa Senoi mendiami kawasan di negeri Perak, Pahang, Kelantan, Terengganu dan Selangor. Suku bangsa Semai boleh didapati di daerah Batang Padang, Perak Tengah, Kinta, Kuala Kangsar, Hulu Perak, Lipis, Raub dan Cameron Highland. Kaum Temiar pula tinggal di Hulu Perak, Kuala Kangsar, Kinta dan Gua Musang. Bagi orang asli Jahut, mereka mendiami kawasan di sekitar Temerloh Pahang. Orang asli Semoq Beri pula banyak ditemui di kawasan Maran, Kuantan, Kemaman, Hulu Terengganu dan Besut. Suku kaum Mahmeri pula hanya boleh ditemui di daerah Kuala Langat, Klang dan Sepang.

ASAL USUL ORANG ASLI CHE WONG

Asal usul masyarakat orang asli Che Wong menurut informan Jamilah Bebe, Anis Nabila dan Jamal Rizal (2016), golongan ini dipercayai turun ke bumi dan telah sampai di pergunungan Indo-China, iaitu di sebuah bukit paling tinggi di pergunungan Pnom Phen, Vietnam. Mereka telah turun dua beradik lelaki. Dua

beradik lelaki ini berjalan kaki hingga ke Thailand. Salah seorang daripada dua beradik ini tidak lagi mahu meneruskan perjalanan dan hanya ingin tinggal di Thailand, menjadi raja dan keturunannya kekal memerintah sehingga ke hari ini. Seorang lagi, meneruskan perjalanan melalui banjaran Titiwangsa dan berhenti di gunung Benom. Beliau menetap dan menjadi Raja di hulu sungai. Menurut kepercayaan keturunannya kekal hingga hari ini dan mendiami kawasan di Pahang. Nama “Che” pada perkataan Che Wong dikatakan bermaksud “Tuan” atau “Tuhan”. “Wong” pula bermaksud “orang”. Maksudnya dalam situasi ini mereka ialah tuan atau tuhan kepada manusia. Terdapat juga pendapat yang mengatakan bahawa orang asli Che Wong berasal daripada keturunan Sang Kelembai. Menurut pendapat Harun (2003), masyarakat orang asli Che Wong berketurunan Sang Kelembai. Makhluk ini dikatakan dua beradik, iaitu Tak Ong dan Tatang. Kedua-dua adik-beradik ini dikatakan sering bersaing antara satu sama lain. Tatang, iaitu adik kepada Tak Ong sering mengatasi abangnya dan menyebabkan Tak Ong tidak berpuas hati. Tak Ong juga sering bernasib malang apabila matanya cedera dan telinganya putus semasa bertanding dengan adiknya menyebabkan dia menjadi buta dan pekak. Walaupun Tatang sering bersikap gembira dan bernasib baik pada awalnya, nasibnya berubah setelah kematian anak-anak dan isterinya akibat keracunan buah perah. Dikatakan, setiap pokok perah yang dijumpainya akan dicabut kerana marah dan sakit hatinya dan dikatakan ketiadaan pokok perah di kawasan Kampung Dong dan Pulau Raya disebabkan oleh tindakannya. Walau bagaimanapun, asal usul perkataan atau nama Sang Kelembai tidaklah pula diketahui. Orang asli Che Wong sehingga kini masih lagi mengamalkan cara hidup tradisional dengan bercucuk tanam dan mencari hasil hutan. Walau bagaimana pun, terdapat juga dalam kalangan masyarakat ini yang bekerja di luar pekerjaan tradisional tersebut. Ramai antara mereka yang bekerja di Pusat Konservasi Gajah yang berada tidak jauh dengan perkampungan tersebut. Orang asli Che Wong juga masih tinggal dalam rumah tradisional asal walaupun pihak kerajaan telah menyediakan bantuan rumah untuk mereka. Masyarakat ini lebih selesa tinggal di rumah asal kerana bagi mereka lebih sejuk dan selesa. Kebanyakan mereka membina rumah asal mereka berdekatan dengan rumah yang disediakan oleh pihak kerajaan.

PENYATAAN MASALAH

Bahasa berubah seiring dengan perubahan dan peredaran zaman. Bahasa minoriti sering menjadi mangsa penindasan akibat penguasaan bahasa lain yang lebih dominan. Bahasa akan menjadi lebih terancam jika jumlah penutur bahasa semakin

berkurangan. Hal yang sama turut berlaku dalam kalangan masyarakat minoriti orang asli. Skeat dan Blagden (1906), menyatakan bahawa bahasa masyarakat orang asli diancam kepupusan terutamanya kerana mereka sedang berusaha menguasai bahasa Melayu walaupun untuk penggunaan sesama mereka. Saadiah Maalip (2014), mengatakan bahawa terdapat proses peralihan bahasa dalam kalangan masyarakat orang asli Che Wong. Walaupun rata-rata masyarakat Che Wong menggunakan bahasa natif, namun terdapat juga antara mereka yang menggunakan bahasa Melayu ketika berkomunikasi. Menurut Saadiah Maalip juga, kebanyakan golongan muda menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi kerana faktor pergaulan dan pengaruh yang besar daripada masyarakat luar. Situasi ini menunjukkan sedikit sebanyak hakisan bahasa dalam kalangan masyarakat kerana pemilihan bahasa dalam kalangan golongan muda yang membawa kesan kepada masa depan bahasa dan budaya masyarakat ini.

Menurut Laporan *Ethnologue* (2005) terdapat sejumlah 6912 bahasa di dunia. Daripada jumlah tersebut, 516 menghadapi ancaman kepupusan. Perangkaan menunjukkan bahawa bahasa dunia yang terancam dan bakal menghadapi kepupusan ialah 200 bahasa di Eropah, 1000 bahasa di Amerika (Utara dan Selatan), 2400 bahasa di Afrika, 231 bahasa di Australia, serta di benua Asia dan kawasan Pasifik 3200 bahasa. Daripada jumlah tersebut, 800 bahasa terdapat di Papua New Guinea. David Crystal (2002) pula menyatakan setiap dua minggu bahasa orang asli akan pupus. Kepupusan bahasa orang asli ini merupakan sesuatu yang amat membimbangkan. Kajian terhadap bahasa minoriti seperti bahasa Che Wong harus dilakukan agar bahasa masyarakat minoriti ini tidak lupus.

Stokhof (2012) berpendapat bahasa minoriti di Malaysia akan mengalami kepupusan sekiranya usaha pelestariannya yang serius tidak dilakukan dari sekarang. Kebangkitan sains dan teknologi dalam era globalisasi yang melanda dunia hari ini membawa bersama-samanya gelombang perubahan minda moden terutamanya kepada generasi belia. Selain itu, beliau menegaskan bahawa bahasa boleh terancam jika penuturnya tidak lagi menghormatinya atau tidak menganggap bahasa itu sebagai alat pemersatu masyarakat, malu atau tidak peduli dengan penggunaannya yang betul. Bilangan masyarakat orang asli Che Wong yang kecil juga menimbulkan kebimbangan dari sudut bahasa dan budaya mereka. Hal yang dibimbangi ini ialah proses dominasi bahasa utama. Proses asimilasi bahasa Melayu dalam kalangan orang asli Che Wong sedikit sebanyak menyebabkan bahasa mereka dipinggirkan oleh masyarakatnya sendiri. Hal ini berlaku disebabkan kebanyakan mereka sudah menerima pemodenan dan terdedah kepada dunia luar.

Oleh itu, kajian bahasa masyarakat orang asli Che Wong perlu dilakukan agar struktur bahasa ini dapat dikaji dengan lebih berkesan. Selain itu, kajian ini sedikit sebanyak dapat membantu kelangsungan maklumat berkenaan bahasa minoriti ini pada masa hadapan.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian fonologi dan leksikal bahasa orang asli Che Wong ini memfokuskan dua aspek, iaitu penghuraian fonologi bahasa orang Asli Che Wong dan juga leksikal bahasa orang Asli Che Wong. Kajian ini berlatarkan suku masyarakat orang asli Che Wong di Sungai Enggang Kuala Gandah Pahang.

SOROTAN KAJIAN

Kajian mengenai bahasa masyarakat minoriti orang asli telah banyak dijalankan, antaranya termasuklah kajian yang dilakukan oleh Mohd Sharifudin (2013), yang mengkaji tentang “Keterancaman Bahasa Orang Asli Duano dan Kanaq”. Pengkaji mengkaji mengenai sistem bahasa orang asli Duano dan Kanaq dan mendapati bahawa bahasa ini mengalami tanda-tanda kepupusan. Mohd Sharifudin (2007), juga telah mengemukakan beberapa kajian yang memperlihatkan bahawa kelompok orang asli ini memerlukan pembelaan agar bahasa mereka terus dapat dilestarikan. Dapatan kajian beliau menunjukkan bahawa jumlah populasi suku Kanaq seramai 87 orang sahaja. Kerjasama daripada semua pihak harus diadakan bagi memastikan kelangsungan bahasa suku ini. Dalam kajian ini juga, beliau menggunakan pendekatan sosiologi bahasa yang menjelaskan keusangan dialek Duano dan Kanaq. Kajian beliau menggunakan lima jenis mandala, iaitu mandala keluarga, mandala persahabatan, mandala agama, mandala pekerjaan dan mandala pendidikan.

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Nur Faaizah, Mohd Sharifudin dan Riduan (2018) yang mengkaji fonologi dan leksikal bahasa orang asli Jahut meneliti ciri-ciri bahasa orang asli Jahut. Kajian ini dilakukan terhadap suku kaum Jahut di Kampung Pian, Kuala Krau, Pahang. Kajian mendapati bahasa orang asli ini juga mengalami tanda-tanda kepupusan kerana jumlah penuturnya yang sedikit dan percampuran bahasa lain yang lebih dominan.

Santrol Abdullah (2016), telah mengkaji bahasa Vaie dalam bukunya yang bertajuk *Etnolinguistik Bahasa Vaie di Sarawak*. Kajian beliau mendapati bahasa Vaie di Sarawak masih bertahan, namun tidak mustahil akan mengalami kepupusan jika usaha pelestarian tidak dilakukan kerana faktor pengaruh kemodenan pada hari ini.

Seterusnya kajian yang dilakukan oleh Lamsir (2011) yang mengkaji bahasa Bajau di Kota Belud juga mengalami kepupusan. Faktor yang mempengaruhi kepupusan bahasa ini dikatakan daripada perkahwinan campur dan sosioekonomi ibu bapa. Faktor ini menyebabkan bahasa Bajau semakin hilang keasliannya. Jika tiada usaha pemeliharaan bahasa ini maka tidak mustahil bahasa ini akan hilang pada masa hadapan.

Setiap kajian yang dilakukan mempunyai fokus dan tujuan yang berbeza-beza. Kajian terhadap bahasa suku minoriti Che Wong masih lagi kurang diusahakan oleh para pengkaji. Kajian lebih tertumpu pada aspek etnografi dan gaya hidup mereka. Kajian mengenai bahasa suku ini masih lagi baharu dan masih pada peringkat permulaan. Aspek yang masih belum dikaji lagi memberikan ruang dan peluang kepada pengkaji untuk mengkaji tentang bahasa suku minoriti Che Wong.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian bahasa ini menggunakan kaedah lapangan. Penghuraian data dilakukan secara kualitatif dengan meneliti leksikon dan sistem bunyi bahasa tersebut. Data bahasa dikutip menggunakan kaedah lafaz dan teknik rakaman. Asmah (2006) menjelaskan kaedah lafaz ini bertujuan untuk memperoleh sebutan yang betul terhadap kata dalam bahasa yang dikaji. Pengkaji menyediakan senarai leksikal yang dilafazkan oleh informan agar data diperolehi secara teratur dan tepat dengan objektif kajian. Setiap leksikal yang disebut oleh informan dirakamkan dalam perakam. Informan yang dipilih terdiri daripada penduduk asal masyarakat orang asli Che Wong yang tinggal di Kampung Sungai Enggang Kuala Gandah Pahang. Informan terdiri daripada 12 orang yang berumur antara 15 hingga 60 tahun. Informan ini mewakili golongan muda, dewasa dan tua di kampung berkenaan. Data bahasa yang diperolehi ditranskripsikan menggunakan simbol *International Phonetic Alphabet (IPA)*.

Pengkaji turut menggunakan kaedah kepustakaan untuk mendapatkan data tambahan. Data tambahan dikumpulkan berdasarkan kajian lepas yang berkaitan. Data daripada sumber bertulis seperti buku, artikel jurnal, keratan akhbar dan kertas kerja diambil sebagai rujukan kajian. Selain itu, kajian lepas dijadikan landasan bagi mengukuhkan data kajian.

Pendekatan Linguistik Struktural

Aliran linguistik struktural telah muncul pada kurun ke-20. Menurut Lyons (1970), linguistik struktural menyatakan bahawa setiap bahasa terdiri daripada satu pertalian struktur yang tersendiri. Menurut Asmah (1983), asas pengkajian dalam


struktural ialah setiap bahasa terdiri daripada bentuk-bentuk yang berbeza. Abdullah (1989), berpendapat bahawa linguistik struktural merupakan kajian linguistik yang menghuraikan bahasa menggunakan pendekatan pada bahasa itu sendiri berdasarkan ciri formal yang ada dalam bahasa. Linguistik tradisional pula mengkaji tataran filsafat dan semantik.

Asmah (2001) berpendapat transkripsi jenis ini dianggap memadai sebagai usaha awal dalam penghasilan dokumentasi bahasa yang sebelum ini jarang dihasilkan serta bahasa yang bersifat lisan dan belum mempunyai sistem tatabahasa yang tersendiri. Menurut Asmah (1983) dan Zaharani (2005), setiap bahasa mempunyai sistem dan peraturannya sendiri. Sistem dan peraturan ini membezakan dan menjadi rujukan utama dalam pengidentifikasian antara satu bahasa dengan bahasa yang lain. Linguistik struktural merupakan elemen kerangka teori dalam kajian ini untuk menghuraikan struktur bahasa Che Wong berdasarkan aspek vokal, diftong, konsonan dan juga leksikal.

ANALISIS PERBINCANGAN

Fonologi Bahasa Che Wong.

Berdasarkan penelitian dan pemerhatian terhadap sistem bunyi bahasa suku kaum Che Wong, terdapat lapan fonem vokal, iaitu [i], [e], [ɛ], [a], [ə], [u], [o], [ɔ]. Menurut Abdul Hamid (1998), vokal ialah bunyi bersuara yang ketika dihasilkan,



Rajah 1 Kedudukan vokal.

Jadual 1 Fonem vokal bahasa suku kaum Che Wong.

Bil	Jenis vokal	Awalan kata		Tengah kata		Akhir Kata	
		BM	BCW	BM	BCW	BM	BCW
1	[i]	kita/ kami	/iʔ/	guruh harimau	/te iŋ/ /kətiʔ/	pipi buku lali	/pipi / /buku lali/
2	[e]	anjing	/eŋ/	bumbung rotan	/gentel/ /seʔ/	cermin cerek	/cərmən/ /cireʔ/
3	[a]	ais busuk	/aəs/ /aʔuʔ/	buaya ular	/bahyaʔ/ /talut/	kuda	/kuda/
4	[ə]	telinga	/əmtəŋ/	singa beruang	/kəliʔ/ /sələbas/	anda, kamu, kau	/mə/
5	[u]	di sini yang itu	/udaʔ/ /unoʔ/	pokok tudung	/juyut/ /kuy/	lembu pintu	/ləmbu/ /pintu/
6	[o]	datuk	/oin/	katil lada	/con/ /pigoʔ/	radio	/radiʃo/
7	[ə]			kakak jagung	/təʔ/ /jagəŋ/	dapur	/dapə/
8	[ɛ]	engkar	/eŋkar/	aras tanya	/tel/ /taŋeʔ/		

udara dari paru-paru keluar berterusan melalui rongga tekak dan juga rongga mulut tanpa sebarang sekatan mahupun gangguan. Menurut Abdul Hamid lagi, bunyi vokal mempunyai ciri-ciri kelantangan dan kepanjangan. Hal ini bermaksud, bunyi vokal dapat didengar dengan lebih jelas dan lebih panjang daripada bunyi konsonan.

Berdasarkan Rajah 1, terdapat tiga jenis jenis vokal mengikut kedudukan lidah. Vokal depan terbahagi kepada tiga, iaitu [i], [e], [ɛ] dan juga [a]. [ə] pula merupakan vokal tengah. Vokal belakang terbahagi kepada [u], [o] dan [ɔ].

Berdasarkan Jadual 2, didapati hampir semua fonem hadir dalam bahasa Che Wong dan dapat dilihat pada semua posisi sama ada pada awal kata, tengah kata

mahupun akhir kata. Berdasarkan kajian, didapati fonem belakang separuh luas [ɔ], tidak hadir pada awal kata dan hanya terdapat pada tengah kata dan akhir kata.

Berdasarkan Jadual 2, vokal /i/ hadir pada awal kata, tengah kata dan akhir kata. Contohnya perkataan [kita] disebut [iʔ] dalam bahasa Che Wong. Vokal /i/ hadir pada awal kata berkenaan, manakala bagi tengah kata, vokal /i/ dapat dilihat dalam kata [te iŋ], iaitu guruh. Harimau disebut [kətiʔ], gali disebut [nəboir]. Berdasarkan kata berkenaan, dapat dilihat vokal /i/ telah hadir pada tengah kata dalam perkataan yang digunakan dalam bahasa Che Wong. Vokal /i/ pada akhir kata pula dapat dilihat dalam contoh kata seperti [pipi] dan [buku lali].

Vokal /i/ berada pada kedudukan depan lidah. Vokal ini berada pada kedudukan tinggi atau sempit. Tinggi atau sempit kedudukan tersebut merujuk kedudukan lidah yang hampir dengan bumbung mulut. Kedudukan vokal /i/ yang berada pada kedudukan depan lidah merujuk bahagian yang bertentangan dengan langit keras. Vokal /e/ hadir pada ketiga-tiga kata. Vokal /e/ hadir pada awal kata dalam bahasa Che Wong seperti dalam kata [anjing] yang disebut [eŋ], manakala pada tengah kata pula vokal /e/ dapat dilihat dalam kata [gentel], iaitu bumbung, [seʔ], iaitu rotan, dan [heʔ teh], iaitu tidak ada. Berdasarkan contoh kata berkenaan dapat dilihat vokal /e/ hadir pada tengah kata setiap perkataan tersebut. Bagi akhir kata pula vokal /e/ dapat dilihat dalam contoh kata seperti, [cərmen], [cireʔ] dan [reʔ nəntes].

Vokal /a/ juga hadir pada setiap bentuk kata sama ada pada awal kata, tengah kata dan akhir kata. Contohnya pada awal kata vokal /a/ hadir pada kata [aəs], iaitu ais dan [aʔuʔ] atau dalam bahasa Melayu disebut busuk. Pada tengah kata pula vokal /a/ hadir pada contoh kata seperti [bahyaʔ], iaitu bahaya dalam bahasa Melayu, [talut] atau dalam bahasa Melayu dipanggil ular, [kawaw], iaitu burung dan [lanʔkal], iaitu tangga dalam bahasa Melayu. Bagi akhir kata pula vokal /a/ dapat dilihat dalam contoh kata seperti [kuda] yang juga disebut kuda dalam bahasa Melayu. Vokal /a/ merupakan vokal yang berada pada kedudukan rendah. Kedudukan rendah bermaksud lidah berada jauh dari langit-langit rongga mulut. Vokal /ə/ merupakan bunyi yang berada pada kedudukan di tengah lidah. Vokal /ə/ juga hadir pada ketiga-tiga bentuk kata. Contohnya pada awal kata vokal /ə/ hadir dalam kata [əmtəŋ], iaitu telinga dalam bahasa Melayu. Bagi tengah kata pula vokal /ə/ dapat dilihat dalam contoh kata seperti [kəliʔ], iaitu singa, [sələbas], iaitu beruang, [kəmən], iaitu nyamuk dan jəhut atau dalam bahasa Melayu dipanggil pokok. Bagi akhir kata pula, vokal /ə/ dapat dilihat dalam kata seperti, [mə] yang bermaksud anda, kamu atau pun kau. Selain itu, [diyə] yang bermaksud dia dan [səmə] yang bermaksud kalian dalam bahasa Melayu.

Vokal /u/ pula merupakan vokal yang berada pada kedudukan belakang lidah. Vokal /u/ didapati hadir pada ketiga-tiga bentuk kata. Hal ini dapat dilihat pada contoh kata seperti [udaʔ] dan [unoʔ] yang menunjukkan vokal /u/ hadir pada awal kata. [udaʔ] dalam bahasa Melayu bermaksud di sini, manakala [unoʔ] pula bermaksud yang itu. Pada tengah kata pula vokal /u/ dapat dilihat dalam contoh kata seperti [jujut], iaitu pokok, [kuy], iaitu tudung dan [bantuway], iaitu tenggiling. Pada akhir kata pula vokal /u/ dilihat dalam contoh kata seperti [lembu], [pintu] dan [besiyu]. Vokal /o/ hadir pada ketiga-tiga bentuk kata dan hal ini dapat dilihat pada contoh kata seperti [oin], iaitu datuk yang menunjukkan vokal /o/ hadir pada awal kata berkenaan. Bagi tengah kata pula vokal /o/ dapat dilihat dalam contoh kata seperti [con], iaitu katil dan [pigoʔ] yang bermaksud lada. Pada akhir kata pula vokal /o/ terdapat pada contoh kata seperti [radiyo] yang juga dipanggil radio dalam bahasa Melayu.

Vokal /ɔ/ pula hadir pada kedudukan tengah dan akhir kata sahaja. Contohnya pada tengah kata vokal /o/ terdapat pada kata [tɔʔ] dan [jagɔŋ]. [tɔʔ] bermaksud kakak dalam bahasa Melayu dan [jagɔŋ] ialah jagung dalam bahasa Melayu. Pada akhir kata pula vokal /ɔ/ dapat dilihat dalam contoh kata seperti [dapɔ] yang juga dipanggil dapur dalam bahasa Melayu. Vokal /ɔ/ dilihat tidak hadir pada awal kata dalam bahasa masyarakat Che Wong kerana kebanyakan kata lebih banyak bermula dengan vokal/o/ berbanding dengan vokal /ɔ/.

Diftong Bahasa Che Wong

Bunyi diftong merupakan bunyi yang melibatkan dua deretan vokal yang hadir serentak. Bunyi ini terhasil apabila bunyi vokal yang hadir selepas bunyi vokal yang

Jadual 2 Diftong bahasa Che Wong.

Jenis Vokal	Awal Kata		Tengah Kata		Akhir Kata	
	Bm	Bcw	Bm	Bcw	Bm	Bcw
ay					hujan	/karay/
					asap	/hijay/
aw					kerbau	/kerbaw/
					burung	/kawaw/
oy					terbang	/kapoy/
					ya	/loy/

satu lagi menggeluncur ke arah vokal yang mula-mula hadir tanpa menunjukkan sebarang puncak kelantangan (Nor Hashimah, 2007). Keadaan ini menyebabkan penghasilan bunyi menjadi satu suku kata sahaja kerana ketiadaan puncak kelantangan semasa bunyi diftong dihasilkan. Terdapat tiga jenis diftong, iaitu ai [ay], au [aw] dan oi [oy], seperti dalam Jadual 3.

Berdasarkan data yang diperoleh oleh pengkaji, diftong hanya hadir pada akhir kata dalam bahasa masyarakat orang asli Che Wong. Fonem diftong tidak hadir pada awal kata dan tengah kata dalam bahasa masyarakat minoriti ini.

Rangkap Vokal Bahasa Che Wong

Rangkap vokal merupakan rentetan dua vokal yang hadir secara berturut-turut dan menunjukkan puncak yang nyata. Kedua-dua vokal yang hadir ini mengandungi nada, tekanan dan kepanjangan yang sama.

Berdasarkan data dalam Jadual 4, dapat dilihat rangkap vokal /ai/, /ua/, /au/, /ui/, /oi/, /oe/. Rangkap vokal /ai/ dapat dilihat dalam kata [taijɔʔ] yang bermaksud kera dan [yaiŋ] yang bermaksud moyang. Rangkap vokal /ua/ dapat dilihat pada kata [səlu^war], [tu^wala] dan [tu^waŋ]. Rangkap vokal /au/ pula dapat dilihat dalam kata [bərta^wur] yang bermaksud banjir. Rangkap vokal /ui/ hadir dalam kata [səkuil] yang bermaksud mendung. Rangkap vokal /oi/ pula dapat dilihat dalam contoh kata [soiʔ], iaitu cuci dan rangkap vokal /oe/ pula terdapat dalam contoh kata [moey] yang bermaksud ibu.

Jadual 3 Rangkap vokal bahasa Che Wong.

Rangkap Vokal	BM	BCW
ai	kera	/ taijɔʔ/
	moyang	/yaiŋ/
ua	seluar	/səlu ^w ar/
	tuala	/tu ^w ala/
au	durian	/tu ^w aŋ/
	banjir	/bərta ^w ur/
ui	mendung	/səkuil/
oi	cuci	/soiʔ/
oe	ibu	/moey/

Rangkap vokal bukanlah satu bunyi tunggal seperti bunyi diftong. Rangkap vokal terdiri daripada dua vokal yang berdiri secara terasing. Hal ini dapat dilihat apabila dua vokal berkenaan dipisahkan menjadi suku kata. Contohnya:

Rangkap vokal /ai/ : ta.i.jok
 Rangkap vokal /ua/ : se.lu.ar, tu.a.la, tu.ang
 Rangkap vokal /au/ : ber.ta.ur
 Rangkap vokal /ui/ : se.ku.il
 Rangkap vokal /oi/ : so.ik
 Rangkap vokal /oe/ : mo.ey

Berdasarkan pecahan berkenaan dapat dilihat bahawa rangkap vokal merupakan bunyi dua vokal secara berturutan dalam perkataan dan bukannya disebut secara bersama-sama. Kedua-dua vokal tersebut terpisah dalam suku kata yang berlainan.

Fonem Konsonan Bahasa Che Wong

Konsonan merupakan bunyi selain daripada bunyi vokal. Konsonan terdiri daripada konsonan bersuara dan konsonan tak bersuara. Bunyi konsonan terjadi apabila

Jadual 4 Fonem bahasa Che Wong.

Daerah sebutan	Bibir	Gusi	Gusi-lelangit keras	Lelangit keras	Lelangit lembut	Hentian glotis
Plosif /letupan	[b]	[d]			[g]	[q]
	[p]	[t]			[k]	[ʔ]
Afrikat /letusan				[j]		
				[c]		
Nasal	[m]	[n]		[ɲ]	[ŋ]	
					[ɣ]	
Frikatif			[s]			[h]
Getaran		[r]				
Lateral		[l]				
Separuh vokal	[w]		[y/j]			

berlakunya gangguan atau halangan oleh alat artikulasi terhadap udara dari paru-paru. Konsonan bersuara merupakan konsonan yang terhasil apabila tekanan udara yang keluar dari paru-paru menggetarkan pita suara, manakala konsonan tak bersuara berlaku sebaliknya, iaitu udara yang keluar daripada paru-paru tidak menggetarkan pita suara.

Plosif atau letupan terbahagi kepada dua, iaitu plosif bersuara dan tidak bersuara. Plosif bersuara terbahagi kepada konsonan [b],[d], [g] dan [q], manakala plosif tidak bersuara pula terdiri daripada konsonan [p], [t], [k] dan [ʔ]. Afrikat terdiri daripada dua, iaitu bersuara dan tidak bersuara. Konsonan [j] merupakan afrikat bersuara, manakala konsonan [ç] pula afrikat tidak bersuara. Bunyi nasal terdiri daripada [m],[n], [ɲ] dan [ŋ]. Frikatif terdiri daripada [s] dan [h]. Bunyi getaran pula dihasilkan oleh [r], manakala bunyi lateral terhasil oleh [l]. Separuh vokal dihasilkan oleh konsonan [w] dan [y/ɥ].

Konsonan Plosif/ Letupan Bahasa Che Wong

Plosif juga turut disebut sebagai letupan. Menurut Nor Hashimah Jalaluddin (2007), letupan terhasil dengan cara melepaskan udara yang disekat dengan serta merta. Terdapat dua jenis plosif, iaitu plosif bersuara dan plosif tidak bersuara Plosif bersuara bagi bahasa Che Wong terdiri daripada [b], [d], [g] dan [q].

Jadual 5 Konsonan plosif bersuara.

Konsonan	Awal		Tengah		Akhir	
	BM	BCW	BM	BCW	BM	BCW
b	buaya	/bahyaʔ/	apa	/tol/		
	tenggiling	/bantuway/	khavar	/habal/		
			lembu	/lembu/		
d	duku	/duku/	badak	/badaʔ/		
	tandas	/diyal/	peti	/pəti		
			sejuk	sədeŋ/		
g	babi	/gaw/	jagung	/jagəŋ/		
	tualang	/gel/				
q					orang	/binuq/
					tanduk	/tanuq/

Konsonan [b] hadir pada awal dan tengah kata dalam bahasa Che Wong. Pada awal kata, konsonan [b] dapat dilihat dalam contoh kata seperti /bahyaʔ/ dan /bantuway/. Pada tengah kata pula konsonan [b] dapat dilihat pada kata /tol habal/ dan /lembu/. Konsonan [b/] merupakan konsonan letupan dua bersuara bersuara. Cara bunyi konsonan [b] dihasilkan ialah apabila dua bibir dirapatkan untuk membuat sekatan penuh pada arus udara dari paru-paru ke rongga mulut. Lelangit lembut dinaikkan ke dinding rongga tekak dan sekatan udara dari paru-paru akan terjadi. Pita suara akan dirapatkan dan udara dari paru-paru akan keluar melalui rongga mulut dengan cara menggetarkan pita suara.

Konsonan [d] juga hadir pada awal dan tengah kata. Contohnya pada awal kata, konsonan [d] dapat dilihat pada contoh kata /duku/ dan /diʒal/, manakala tengah kata pula konsonan [d] dapat dilihat pada kata /badaʔ/ dan /pəti sədeŋ/. Konsonan [d] dihasilkan dengan cara hujung lidah dirapatkan ke arah gusi dan udara akan tersekat. Lelangit lembut dan anak tekak dinaikkan ke belakang rongga tekak dan udara ke rongga hidung akan tersekat. Pita suara dirapatkan dan udara dari paru-paru akan keluar melalui rongga mulut dengan cara menggetarkan pita suara.

Konsonan [g] juga hadir pada awal dan tengah kata dan hal ini dapat dilihat dalam contoh kata seperti dalam jadual di atas, iaitu /gaw/ dan /gel/ menunjukkan konsonan [g] hadir pada awal kata, manakala /jagəŋ/ menunjukkan konsonan [g] hadir pada tengah kata tersebut. Konsonan [g] terhasil melalui cara belakang lidah dirapatkan ke arah lelangit lembut dan ketika ini sekatan pada udara akan terjadi. Lelangit lembut dan anak tekak dirapatkan ke arah rongga tekak dan udara akan tersekat dari rongga paru-paru ke rongga hidung. Pita suara dirapatkan dan udara dari paru-paru yang keluar akan menggetarkan pita suara. Konsonan [q] pula hadir pada akhir kata dalam bahasa Che Wong dan hal ini dapat dilihat dalam contoh kata seperti /binuq/ dan /tanuq/.

Konsonan Plosif Tak Bersuara Bahasa Che Wong

Konsonan plosif tak bersuara masyarakat Che Wong terdiri daripada konsonan [p], [t], [k], dan [ʔ]. Konsonan [p] dan [t] hadir pada ketiga-tiga bahagian kata, iaitu awal kata, tengah kata dan akhir kata. Konsonan [k] pula hadir pada awal kata dan tengah kata, manakala konsonan [ʔ] pula hanya hadir pada tengah kata dan akhir kata.

Konsonan [p] dapat dilihat dalam ketiga-tiga bahagian kata, iaitu awal, tengah dan akhir kata. Pada awal kata konsonan [p] dapat dilihat dalam contoh ayat seperti /putan/, manakala pada tengah kata pula konsonan [p] dapat dilihat dalam contoh kata seperti /talipon/ dan /kapoy/. Pada akhir kata pula konsonan [p] terdapat pada kata /

Jadual 6 Konsonan plosif tak bersuara.

Konsonan	Awal		Tengah		Akhir	
	BM	BCW	BM	BCW	BM	BCW
[p]	seputar	/putan/	telefon terbang	/talipon/ /kapoy/	hujan	/semp/
[t]	kera ular	/tayo? /talut/	tenggiling bumbung	/bantuway/ /gentel/	siput nenek	/siput/ /oit/
[k]	singa nyamuk	/kəli? /kemen/	tembakau	/təmakaw/		
[ʔ]			banjir kemarau	/bertaʔur/ /poʔor/	salak lada	/salaʔ/ /pigoʔ/

semp/. Konsonan [p] dibunyikan dengan cara dua bibir dirapatkan agar udara dari paru-paru ke rongga mulut tersekat. Lelangit lembut dinaikkan ke rongga tekak agar udara dari paru-paru ke rongga hidung tersekat. Pita suara diregangkan dan udara dari paru-paru keluar dari rongga mulut tanpa menggetarkan pita suara dan sekatan pada bibir dilepaskan serta-merta.

Konsonan [t] juga dapat dilihat pada ketiga-tiga bentuk kata. Pada awal kata konsonan [t] terdapat pada contoh kata seperti /taʔoʔ/, /talut/, /tuʔan/ dan /toʔ/, manakala bagi tengah kata pula, konsonan [t] dapat dilihat pada contoh kata /bantuway/, /gentel/ dan /gentiʔ/. Konsonan /t/ pada akhir kata pula dapat dilihat pada contoh kata /siput/ dan /oit/. Bunyi konsonan /t/ dihasilkan apabila hujung lidah dinaikkan rapat ke gusi dan udara tersekat, manakala lelangit lembut dan anak tekak pula dinaikkan ke rongga tekak bagi menutup udara ke rongga hidung. Peti suara diregangkan dan udara dari paru-paru keluar melalui rongga mulut tanpa perlu menggetarkan pita suara. Sekatan pada hujung kidah dan gusi dilepaskan serta-merta.

Konsonan [k] terdapat pada awal kata dan tengah kata. Pada awal kata konsonan [k] dapat dilihat pada contoh kata seperti /kəliʔ/, /kemen/, dan /kawaw/, manakala pada tengah kata, konsonan [k] terdapat pada contoh kata seperti /təmakaw/ atau /makaw/. Bunyi konsonan [k] dihasilkan melalui belakang lidah yang dirapatkan ke arah lelangit lembut dan ketika itu udara akan tersekat. Lelangit lembut dirapatkan ke rongga tekak bagi menyekat udara dari paru-paru ke rongga hidung. Pita suara diregangkan dan udara dari paru-paru keluar dari rongga mulut tanpa perlu menggetarkan pita suara. Sekatan udara yang dihasilkan oleh belakang lidah dilepaskan serta-merta.

Konsonan letupan [ʔ] pula terdapat pada tengah kata dan akhir kata. Pada tengah kata, konsonan ini terdapat pada contoh kata seperti /bertaʔur/ dan /poʔor/, manakala bagi akhir kata pula contoh konsonan tersebut dapat dilihat pada contoh kata /salaʔ/, /pigoʔ/ dan /gəntiʔ/. Konsonan [ʔ] letupan yang dihasilkan melalui cara lelangit lembut dan anak tekak dinaikkan ke dinding rongga tekak untuk membuat sekatan udara dari paru-paru ke rongga hidung. Pita suara dirapatkan sepenuhnya. Udara yang keluar dari paru-paru tersekat di belakang rapatan pita suara dan udara disekat tanpa menggetarkan pita suara.

Konsonan Nasal Bahasa Che Wong

Sebaran konsonan nasal atau sengauan dalam bahasa Che Wong didapati hadir pada ketiga-tiga bahagian, iaitu awal, tengah dan akhir kata, hanya konsonan [ŋ] yang tidak tersebar pada akhir suku kata bahasa tersebut.

Konsonan [m] hadir pada ketiga-tiga bentuk kata dalam bahasa Che Wong. Pada awal kata, contohnya konsonan [m] terdapat pada kata seperti /manjar/ dan /makaw/, manakala pada tengah kata pula konsonan /m/ dapat dilihat pada contoh kata /kemen/ dan /kain kumban/. Pada akhir kata pula kata seperti /bayam/ dan /bam/ menunjukkan konsonan [m] yang hadir pada akhir kata tersebut. Konsonan [m] terhasil apabila bibir atas bibir bawah dirapatkan untuk menyekat udara. Lelangit lembut dan anak tekak diturunkan agar udara dari paru-paru dapat masuk ke rongga hidung dan pita suara dirapatkan untuk membuat getaran.

Jadual 7 Konsonan nasal.

Konsonan	Awal		Tengah		Akhir	
	BM	BCW	BM	BCW	BM	BCW
[m]	musang tembakau	/manjar/ /makaw/	nyamuk kain berkembang	/kemen/ /kain / kumban/	bayam ayah	/bayam/ /bam/
[n]	angka tidur	/naŋkaʔ/ /neop/	landak pintu	/landaʔ/ /pintu/	nyamuk kaki	/kəmən/ /con/
[ŋ]	lihat takut	/ŋətəŋ/ /ŋedaŋ/	kekuda peti sejuk	/laŋkal/ /pəti sədaŋ/	kucing telinga	/kuceŋ/ /əmtəŋ/
[ŋ]	pendek berat	/ŋuh et/ /ŋut/	minyak	/miŋin/		

Konsonan [n] pula terdapat pada ketiga-tiga bentuk kata. Kata seperti /naŋkaʔ/, /neop/ dan /nenghar/ menunjukkan kehadiran konsonan [n] pada awal kata, manakala pada tengah kata pula contoh kata seperti /landaʔ/ dan /pintu/ menunjukkan kehadiran konsonan [n] pada tengah kata tersebut. Pada akhir kata pula, konsonan [n] dapat dilihat pada contoh kata seperti /kəmən/ dan /con/. Bunyi konsonan [n] dihasilkan melalui sekatan udara pada hujung lidah dirapatkan pada gigi atau gusi. Lelangit lembut berada pada keadaan biasa dan udara dari paru-paru akan melalui rongga hidung. Pita suara dirapatkan agar getaran dapat dilakukan.

Konsonan [ŋ] pula dihasilkan melalui cara belakang lidah diangkat dan dirapatkan lelangit lembut serta udara akan tersekat. Lelangit lembut dan anak tekak diturunkan agar udara dapat keluar dari paru-paru dan masuk ke rongga hidung. Pita suara dirapatkan agar getaran berlaku dan udara dari paru-paru melalui rongga mulut dan rongga hidung. Udara yang tersekat di belakang lidah dan lelangit lembut dilepaskan secara perlahan-lahan. Konsonan [ŋ] hadir pada ketiga-tiga bentuk kata. Contohnya pada awal kata, konsonan [ŋ] hadir pada contoh kata seperti /ŋedaŋ/, /ŋətaŋ/ dan /ŋəbus/. Pada tengah kata pula konsonan [ŋ] hadir pada contoh kata seperti /laŋkal/ dan /pəti sədaŋ/, manakala pada akhir kata pula konsonan [ŋ] dapat dilihat pada contoh kata seperti /adeʔ kuŋ/, /kuceŋ/, /əmtəŋ/ dan /tuwaŋ/.

Konsonan [ɲ] dihasilkan dengan cara depan lidah diangkat ke arah lelangit keras untuk membuat sekatan pada udara. Lelangit lembut dan anak tekak diturunkan agar udara dapat keluar dari paru-paru dan masuk ke rongga hidung. Getaran dibuat dengan cara pita suara dirapatkan. Udara dari paru-paru terus melalui rongga hidung dan udara yang tersekat di hadapan lidah dan lelangit keras dilepaskan perlahan-lahan. Konsonan [ɲ] terdapat pada awal dan tengah kata dalam bahasa Che Wong. Pada awal kata, konsonan ini dapat dilihat pada contoh kata seperti /ɲuh et/ dan /ɲut/, manakala pada tengah kata pula, konsonan ini dapat dilihat melalui kata seperti /mijin/.

Konsonan Frikatif

Sebaran konsonan frikatif dalam bahasa masyarakat Orang Asli Che Wong terdiri daripada tiga, iaitu [s], [h] dan [ɣ].

Konsonan [s] dihasilkan apabila lelangit lembut dinaikkan di hadapan lidah ke lelangit keras. Pita suara tidak berlaku sebarang getaran dan geseran akan terhasil. Geseran yang dihasilkan dinamakan geseran gusi lelangit keras. Contoh konsonan [s] pada awal kata adalah seperti /salaʔ/, /sariŋ/ dan /seʔ/, manakala pada tengah

Jadual 8 Konsonan frikatif.

Konsonan	Awal		Tengah		Akhir	
	BM	BCW	BM	BCW	BM	BCW
[s]	salak belukar	/sariŋ/ /salaʔ/	peti sejuk menantu	/pəti sədəŋ/ /bəsiʝu/	kipas rebung	/kipas/ /bayas/
[h]	petai tidak	/heʔ/ /həntaw/	mak cik	/bahaʔ/	perah	/perah/
[ɣ]			pokok biji	/juɣut/ /keɣiyan/		

kata pula ialah /pəti sədəŋ/ dan /bəsiyʊ/. Pada akhir kata pula contoh konsonan [s] terdapat pada kata seperti [kipas] dan /bayas/.

Konsonan [h] dihasilkan melalui cara glotis terbuka luas dan langit lembut dinaikkan rapat ke rongga tekak. Udara dari paru-paru akan keluar secara bergeser tanpa sebarang gangguan dan rongga mulut akan berada dalam keadaan seperti menghasilkan bunyi vokal. Contoh konsonan [h] dapat dilihat dalam contoh seperti /həntaw/ dan /heʔ/ yang berada pada awal kata, manakala ada tengah kata pula, konsonan [h] dapat dilihat dalam contoh seperti /bahaʔ/ dan /seluwal cinhuy/. Pada akhir pula konsonan [h] dapat dilihat pada kata /perah/.

Konsonan [gh] atau [ɣ] dihasilkan melalui belakang lidah yang dirapatkan ke arah langit lembut untuk membuat sempitan. Langit lembut dirapatkan ke belakang rongga tekak dan pita suara digetarkan. Udara yang keluar dari paru-paru dibiarkan bergeser di antara langit lembut dan juga belakang lidah. Contoh konsonan [gh] dalam bahasa masyarakat Che Wong ialah /juɣut/ dan /keɣiyan/.

Konsonan Afrikat

Sebaran konsonan afrikat atau letusan terdiri daripada dua konsonan, iaitu [c] dan [j]. Berdasarkan Jadual 10, dapat dilihat bahawa konsonan [c] dan [j] hanya hadir pada awal dan tengah kata sahaja. Kedua-dua konsonan ini, berdasarkan kajian, tidak hadir pada akhir kata dalam bahasa masyarakat orang asli Che Wong.

Konsonan [c] terhasil apabila depan lidah bertemu dengan langit keras dan langit lembut dirapatkan ke belakang rongga tekak. Udara dari paru-paru keluar melalui rongga mulut dan tersekat di antara depan lidah dan gusi. Pita suara tidak

Jadual 9 Konsonan afrikat.

Konsonan	Awal		Tengah		Akhir	
	BM	BCW	BM	BCW	BM	BCW
[c]	cermin	/cərmən/	cicak	/cicaʔ/		
	cerek	/cireʔ/	gores	/kacoh/		
[j]	panjang	/jəsəʔ/	meja	/meja/		
	pokok	/juyut/	kijang	/kijang/		

digetarkan. Konsonan [c] terdapat pada awal dan tengah kata dalam bahasa Che Wong. Contohnya dalam kata seperti /cərmən/, /cireʔ/, /coʔ habal/, /cincan/ dan /cinkoy/ menunjukkan konsonan [c] yang hadir pada awal kata, manakala pada tengah kata pula contoh dapat dilihat dalam kata /cicaʔ/, /kacoh/ dan /nicəp/.

Konsonan [j] terhasil melalui cara hadapan lidah dinaikkan rapat ke arah langit keras dan sekatan pada udara akan terhasil. Langit lembut dan anak tekak dinaikkan ke belakang rongga tekak dan udara pada rongga hidung akan mengalami sekatan. Pita suara akan diregangkan. Konsonan [j] juga terdapat pada awal dan tengah kata dalam bahasa Che Wong. Contohnya, pada awal kata konsonan [j] terdapat pada kata /jam cos/, /jəsəʔ/, /juyut/, /jeen/ dan /jəboʔ/. Pada tengah kata pula, contoh dapat dilihat pada kata /meja/ dan /kijang/.

Konsonan Lateral

Konsonan [l] merupakan sebaran konsonan lateral dalam bahasa Che Wong. Sebaran konsonan ini hadir pada setiap bahagian kata sama ada awal kata, tengah kata mahu pun akhir kata.

Konsonan [l] terhasil melalui hujung lidah yang dinaikkan hingga ke bahagian tengah gusi, manakala langit lembut dan anak tekak dinaikkan ke rongga tekak dan udara dari paru-paru ke rongga hidung akan tersekat. Pita suara dirapatkan dan udara dari paru-paru keluar dari rongga mulut dengan menggetarkan pita suara. Contoh konsonan [l] dapat dilihat kata /lanʔkal/, /lah tunʔkal/. Manakala pada tengah kata pula konsonan [l] dapat dilihat pada kata seperti /pəlitiə/, /salaʔ/. Pada akhir kata pula contoh dapat dilihat pada kata /bantal/, /diʔjal/.

Jadual 10 Konsonan lateral.

Konsonan	Awal		Tengah		Akhir	
	BM	BCW	BM	BCW	BM	BCW
[l]	kekuda	/laŋkal/	pelita	/pəlita/	bantal	/dijal/
	ya	/lah tuŋkal/	salak	/salaʔ/	tandas	/bantal/

Konsonan Separuh Vokal

Konsonan separuh vokal pula terdiri daripada dua konsonan, iaitu konsonan [w] dan [y/ʝ]. Kedua-dua konsonan ini hadir pada ketiga-tiga bahagian kata.

Konsonan [w] merupakan konsonan separuh vokal dan konsonan ini hadir pada ketiga-tiga bentuk kata dalam bahasa Che Wong. Contohnya pada awal kata, konsonan [w] terdapat pada kata seperti /wogos/, manakala pada tengah kata pula konsonan [w] hadir pada kata seperti /tuwaŋ/ dan /seluwal/. Pada akhir kata pula terdapat pada kata seperti /hentaw/ dan /makaw/. Konsonan [w] terhasil apabila bibir dibundarkan, manakala belakang lidah dinaikkan ke lelangit lembut. Lelangit lembut pula dinaikkan ke belakang rongga tekak untuk menyekat udara ke rongga hidung. Udara akan keluar melalui rongga mulut dan pita suara digetarkan, manakala lidah bergerak pantas ke arah kedudukan untuk menyembunyikan vokal tengah.

Konsonan [y/ʝ] pula terhasil apabila depan lidah diangkat ke arah gusi dan bibir dihamparkan. Lelangit lembut pula dinaikkan ke belakang rongga tekak dan udara dari paru-paru ke rongga hidung akan tersekat. Pita suara digetarkan sambil lidah bergerak pantas ke kedudukan untuk menyembunyikan vokal tengah.

Jadual 11 Konsonan separuh vokal.

Konsonan	Awal		Tengah		Akhir	
	BM	BCW	BM	BCW	BM	BCW
[w]	hidup	/wogos/	durian seluar	/tuwaŋ/ /seluwal/	petai tembakau	/hentaw/ /makaw/
[y/ʝ]	moyang	/yaĩŋ/	tandas radio	/dijal/ /radijo/	ya	/loy/

ASPEK LEKSIKAL BAHASA CHE WONG

Pengkaji menggunakan kosa kata bertema untuk mengkaji aspek leksikal bahasa masyarakat orang Asli Che Wong. Hal ini demikian kata-kata bertema berkenaan masih lagi digunakan dalam masyarakat tersebut. Kata-kata bertema berkenaan termasuklah, bahagian dan perlatan dalam rumah, tumbuh-tumbuhan, panggilan dalam keluarga dan kata sapaan, pakaian, cuaca, binatang, bahagian anggota badan.

Bahagian Peralatan dalam Rumah

Penggunaan leksikal dalam bahagian peralatan dalam rumah masyarakat orang Asli Che Wong mempunyai persamaan dengan penggunaan leksikal dalam bahasa Melayu. Namun begitu, kebanyakannya masyarakat Che Wong masih menggunakan bahasa Che Wong dalam penggunaan peralatan dan bahagian dalam rumah.

Terdapat persamaan antara bahasa Melayu dan bahasa Che Wong dalam aspek ini, antaranya termasuklah pintu /pintu/, tingkap /tiŋkap/, almari /almari/, kerusi /kərusi/, cermin /cərmən/, kipas /kipas/, lampu /lampu/ dan tong sampah /toŋ sampah/.

Jadual 12 Bahagian dan peralatan dalam rumah.

Bahasa Melayu	Bahasa Che Wong
pintu	/pintu/
tingkap	/tiŋkap/
Tangga	/laŋkal/
Almari	/almari/
bumbung	/gentel/
Kipas	/kipas/
Lampu	/lampu/
tong sampah	/toŋ sampah/
peti sejuk	/pəti sədəŋ/
bilik tidur	/no om/
bilik air, tandas	/diyal/

Bahagian dan peralatan dalam rumah yang masih lagi mengekalkan penggunaan bahasa Che Wong antaranya termasuklah, tangga /laŋkal/, bumbung /gəntəl/, peti sejuk /peti sədeŋ/, bilik tidur /no om/ dan tandas /diyal/. Jika dilihat dari segi aspek fonologi, dapat dilihat terdapat bunyi letupan dalam leksikal /pintu/, /tiŋkap/, /gentel/, /kipas/, /toŋ sampah/, /pəti sədeŋ/ dan /diyal/ melalui konsonan [p], [t], [g],[k], [d]. Bagi leksikal /lampu/ dan /laŋkal/ mewakili bunyi letusan melalui konsonan [l].

Kebanyakan peralatan dan bahagian dalam rumah masyarakat orang asli Che Wong mempunyai kesamaan dan kemiripan dalam sebutan dan bahasa. Hal ini mungkin disebabkan pengaruh bahasa Melayu itu sendiri ataupun peralatan tersebut hanya wujud pada masa kini dan tidak ada perkataan khusus dalam bahasa Che Wong. Hal ini menyebabkan mereka menggunakan bahasa Melayu untuk menyebutnya.

Tumbuh tumbuhan

Tumbuh-tumbuhan merupakan elemen yang berada dekat dengan orang Asli. Boleh dikatakan tumbuh-tumbuhan merupakan sebahagian daripada kehidupan seharian mereka. Hutan dan tumbuh-tumbuhan ialah nadi kehidupan mereka. Orang Asli sejak dahulu lagi memang hidup secara berpindah randah. Kehidupan nomad mereka di dalam hutan menjadikan mereka kenal akan selok belok isi hutan tersebut.

Jadual 13 Tumbuh-tumbuhan.

Bahasa Melayu	Bahasa Che Wong
pokok	/jujut/
petai	/həntaw/
tualang	/gəl/
lada	/pigoʔ/
rambutan	/gəntiʔ/
durian	/tuwaŋ/
rotan	/seʔ/
rebung	/bəjas/
belukar	/sariŋ/

Kebanyakan tumbuh-tumbuhan masih lagi dalam bahasa mereka, antaranya termasuklah, pokok /juyut/, petai /həntaw/, tualang /gəl/, lada /pigoʔ/, rambutan /gentiʔ/, durian /tuwaŋ/, belukar /sariŋ/, rotan /seʔ/ dan rebung /baʃas/. Bunyi letupan dapat dilihat dalam leksikal /pigoʔ/, /gentiʔ/, /tuwaŋ/, /baʃas/ melalui konsonan [p], [g], [t] dan [b]. Leksikal /juyut/ merupakan bunyi afrikat melalui konsonan [j]. Leksikal /həntaw/, /seʔ/ dan /sariŋ/ mewakili bunyi frikatif melalui konsonan [s] dan [h].

Panggilan dalam Keluarga dan Kata Sapaan

Panggilan dalam keluarga dan kata sapaan dalam kalangan masyarakat Che Wong masih lagi mengekalkan bahasa tradisi mereka. Kebanyakan panggilan dan kata sapaan berbeza dengan bahasa Melayu. Hal ini dapat dilihat berdasarkan Jadual 15.

Panggilan dan kata sapaan dalam bahasa Che Wong seperti ibu disebut /moy/, ayah /bam/, kakak atau abang /toʔ/, datuk, nek /oin/, pak cik /bah/, mak cik /deh/, adik lelaki /adeʔ tuŋkol/, adik perempuan /adeʔ kuŋ/, moyang /ja iŋ/, menantu /besiʃu/,

Jadual 14 Panggilan dalam keluarga dan kata sapaan.

Bahasa Melayu	Bahasa Che Wong
ibu	/moy/
ayah	/bam/
kakak	/toʔ/
abang	/toʔ/
datuk	/oin/
nenek	/oin/
pak cik	/kehijoʔ/
mak cik	/bahaʔ/
adik lelaki	/adeʔ tuŋkol/
adik perempuan	/adeʔ kuŋ/
moyang	/ja iŋ/
cicit	/cicit/
menantu	/bəsiʃu/
apa khabar	/coʔ kabal/
khabar baik	/habal baʃeʔ/

apa khabar /coʔ kabal/, khabar baik /habal baʒeʔ/ dan banyak lagi. Aspek fonologi dalam leksikal ini dapat dibahagikan kepada bunyi vokal [a] dalam leksikal /adeʔ tuŋkol/ dan /adeʔ kuŋ/. Bunyi letupan [b], [t] dan [k] dapat dilihat dalam leksikal /bam/, /təʔ/, /kehijoʔ/, /bahaʔ/ dan /bəsiʒu/. Rangkap vokal [oi] pula terdapat dalam leksikal /oin/. Bunyi vokal pula terdapat dalam leksikal /adeʔ tuŋkol/ dan /adeʔ kuŋ/. Leksikal /ʃaiŋ/ merupakan bunyi separuh vokal melalui konsonan [ʃ]. Bunyi afrikat atau letusan dapat dilihat dalam leksikal /cicit/ dan /coʔ kabal/ melalui konsonan [c]. Leksikal /habal baʒeʔ/ pula mengandungi bunyi frikatif berdasarkan konsonan [h]. Berdasarkan perkataan tersebut, jelas menunjukkan bahawa masyarakat orang asli Che Wong masih lagi mengekalkan bahasa mereka apabila menyebut kata-kata sapaan dan panggilan dalam keluarga.

Pakaian

Pakaian merupakan keperluan dalam kehidupan setiap manusia. Masyarakat Che Wong masih lagi menggunakan bahasa mereka dalam aspek pakaian, namun masih terdapat juga beberapa perkataan yang sama atau mirip dengan bahasa Melayu. Persamaan dan kemiripan dengan bahasa Melayu disebabkan oleh penyerapan bahasa Melayu dalam bahasa Che Wong.

Antara perkataan yang mempunyai kemiripan dengan bahasa Melayu termasuklah selipar /sipor/, cincin yang disebut /cincan/, telefon /tələpon/. Hal ini mungkin berlaku kerana pakaian ataupun barang berkenaan bersifat moden dan terkini serta tidak lagi

Jadual 15 Pakaian.

Bahasa Melayu	Bahasa Che Wong
tudung	/kuy/
skirt	/mon/
selipar	/sipor/
seluar pendek	/seluwal cinhuy/
seluar panjang	/seluwal jəsəʔ/
cincin	/cincan/
telefon	/tələpon/
rokok	/makaw/ /təmakaw/

wujud pada zaman nenek moyang mereka. Terdapat juga pakaian dan barang yang masih lagi mengekalkan perkataan dalam bahasa mereka, antaranya termasuklah tudung /kui/, skirt /kanin/, seluar panjang /seluwal jəsəʔ/, seluar pendek /seluwal cinhuy/. Rokok dalam bahasa Che Wong mempunyai dua makna yang berlainan. /makaw/ adalah untuk rokok yang panjang, manakala untuk rokok yang pendek, mereka menyebutnya sebagai /təmakaw/. Bunyi letupan terdapat pada leksikal /kuy/ dan /tələpon/ berdasarkan konsonan [k] dan [t]. Bunyi nasal atau sengauan pula terdapat pada leksikal /mon/ dan /makaw/ melalui konsonan [m]. Konsonan [s] yang menghasilkan bunyi frikatif pula terdapat dalam leksikal /sipor/, /seluwal cinhuy/ dan /seluwal jəsəʔ/. Leksikal /cincan/pula terdapat bunyi afrikat atau letusan berdasarkan konsonan [c].

Binatang

Suasana kehidupan dan pekerjaan orang asli yang berkait rapat dengan alam sekitar menjadikan mereka akrab dengan isi alam. Aktiviti memburu binatang yang mereka lakukan menjadikan masyarakat orang asli dekat dengan makhluk tersebut.

Berdasarkan jadual, kebanyakan nama binatang dalam masyarakat orang Asli Che Wong mempunyai persamaan dengan bahasa Melayu, antaranya kucing /kuceŋ/, kambing /kamben/, kerbau /kəbaw/, ayam /ayam/. Nama binatang yang berbeza dengan bahasa Melayu dan masih mengekalkan bahasa asli mereka adalah seperti

Jadual 16 Binatang.

Bahasa Melayu	Bahasa Che Wong
harimau	/kliʔ/
kucing	/kuceŋ/
buaya	/bahyaʔ/
kambing	/kamben/
kerbau	/kəbaw/
babi	/gaw/
biawak	/caloʔ/

Bahasa Melayu	Bahasa Che Wong
tenggiling	/bantuway/
monyet	/buay/
kura-kura	/koʔ/
ayam	/ayam/
beruang	/selabas/

harimau /kliʔ/, buaya /bahyaʔ/, babi /gaw/, beruang /selabas/, monyet /buay/, kura-kura /koʔ/, biawak /caloʔ/, tenggiling, /bantuway/. Aspek fonologi dalam kategori binatang dapat dibahagikan kepada bunyi letupan/plosif, afrikat, dan bunyi vokal. Bunyi letupan atau plosif dapat dilihat dalam leksikal /kliʔ/, /kucenʔ/, /bahyaʔ/, /kambenʔ/, /kəbaw/, /gaw/ dan /bantuway/. Bunyi afrikat atau letusan pula terdapat pada leksikal /caloʔ/ melalui konsonan [c]. Bunyi vokal [a] dilihat dalam leksikal /ayam/, manakala leksikal /selabas/ pula mewakili bunyi frikatif berdasarkan konsonan [s].

Cuaca

Masyarakat orang asli percaya akan fenomena alam yang menandakan sesuatu perkara. Setiap kejadian fenomena alam bagi mereka membawa petunjuk dan petanda akan sesuatu kejadian. Cuaca juga merupakan salah satu fenomena alam yang menjadi petunjuk dalam kehidupan mereka seharian. Masyarakat orang Asli mempunyai perkataan mereka sendiri bagi menggambarkan fenomena cuaca yang berlaku.

Leksikal ribut dalam bahasa mereka disebut sebagai /ho/, banjir /bərtaʔur/, kemarau /poʔor/, dan mendung pula dipanggil /səkuil/. Aspek fonologi dalam

Jadual 17 Cuaca.

Bahasa Melayu	Bahasa Che Wong
ribut	/hoŋ/
banjir	/bərtaʔur/
kemarau	/poʔor/
mendung	/səkuil/

kategori ini dapat dilihat melalui bunyi letupan dan frikatif. Bunyi letupan terdapat dalam leksikal /bɛrtaʔur/ dan /poʔor/ berdasarkan konsonan [b] dan [p]. Bunyi frikatif pula dapat dilihat dalam leksikal /hon/ dan /səkuil/ melalui konsonan [h] dan [s]. Melalui perkataan ini, jelas menunjukkan bahawa dalam masyarakat orang asli, cuaca merupakan fenomena alam yang dekat dengan kehidupan mereka dan menjadi petunjuk dalam menjalani kehidupan seharian.

Anggota Badan

Dalam masyarakat orang asli Che Wong, hampir keseluruhan leksikal berkaitan dengan anggota badan tidak dipengaruhi oleh bahasa Melayu. Leksikal dalam anggota badan masih mengekalkan bahasa natif mereka. Hal ini dapat dilihat berdasarkan contoh leksikal anggota dalam jadual di bawah:

Contohnya rambut /soʔ/, telinga /əmtəŋ/, mata /mət/, gigi /lemuiŋ/, kuku /ləkoʔ/, tangan /čhas/ masih lagi mengekalkan leksikal dalam bahasa natif mereka.

Jadual 18 Anggota badan.

Bahasa Melayu	Bahasa Che Wong
rambut	/soʔ/
kepala	/soʔ/
telinga	/əmtəŋ/
mata	/mət/
hidung	/hoiŋ/
mulut	/haiŋ/
gigi	/lemuiŋ/
lidah	/lateʔ/
kuku	/ləkoʔ/
kaki	/čhaŋ/
lutut	/kutoŋ/
tangan	/čhas/
perut	/aiʔ/
leher	/taŋguʔ/
punggung	/kiʔ/

Berdasarkan contoh yang diberikan menjelaskan pengaruh anggota badan yang merupakan bahagian asasi bagi setiap manusia mampu menggambarkan identiti bahasa tersendiri. Aspek fonologi dalam kategori ini dapat dilihat berdasarkan bunyi frikatif, vokal, nasal, lateral, afrikat dan letupan. Bunyi frikatif terdapat dalam leksikal /soʔ/, /hoin/ dan /haiŋ/ iaitu berdasarkan konsonan [s], [h]. Bunyi vokal [a] dan [ə] terdapat dalam leksikal /əmtəŋ/ dan /aiʔ/. Bunyi nasal pula terdapat dalam leksikal /mət/ melalui konsonan [m]. Bunyi lateral [l] terdapat dalam leksikal /lateʔ/ dan /ləkoʔ/. Bunyi afrikat [č] pula terdapat dalam leksikal /čhaŋ/ dan /čas/. Bunyi letupan [k], dan [t] pula dapat dilihat dalam leksikal /kutoŋ/, /tangoʔ/ dan /kiʔ/.

KESIMPULAN

Berdasarkan data, kelas kata bertema dan senarai Swadesh, pengkaji mendapati bahasa Che Wong mempunyai lapan fonem vokal, iaitu [i], [e], [a], [ə], [u], [o], [ɔ], [ɛ] berbanding bahasa Melayu. Daripada kajian didapati tidak semua fonem vokal dalam bahasa Che Wong dapat ditemui di semua posisi awal, tengah dan akhir dalam sesuatu kosa kata. Konsonan bahasa pula terdiri daripada 20 fonem, iaitu [b], [c], [d], [g], [h], [j], [k], [ʔ], [l], [m], [n], [ŋ], [p], [q], [r], [s], [t], [w], dan [y]. Hanya empat fonem konsonan sahaja yang tidak hadir pada setiap posisi kata, iaitu fonem [q], [k], [ʔ] dan [ŋ]. Fonem [q] hanya hadir pada posisi akhir kata. Konsonan [k] pula hanya hadir pada awal dan akhir kata. Konsonan [ʔ] pula hadir di tengah dan akhir kata sahaja.

Aspek leksikal bahasa Che Wong pula dikaji berdasarkan kosa kata bertema kerana faktor penggunaan leksikal tersebut masih lagi digunakan dalam kalangan masyarakat Che Wong. Terdapat leksikal yang mempunyai persamaan dengan bahasa Melayu, namun kebanyakannya masih lagi mengekalkan bahasa natif mereka.

Bahasa masyarakat minoriti Che Wong berbeza dengan bahasa dominan yang lain, namun terdapat juga beberapa kata yang mempunyai persamaan dengan bahasa Melayu. Hal ini disebabkan oleh faktor pengaruh bahasa Melayu dalam bahasa minoriti ini dan hal ini juga tidak mustahil jika dikatakan bahawa bahasa Melayu dipengaruhi oleh bahasa minoriti ini kerana hakikat bahawa masyarakat minoriti ini yang lebih dahulu mendiami negara ini. Penggunaan kata bertema digunakan kerana kosa kata tersebut merupakan penggunaan kosa kata yang dekat dengan mereka. Berdasarkan kosa kata ini dapat ditentukan penggunaan kata dalam kehidupan mereka dan terdapat beberapa kata yang mirip dengan kosa kata bahasa Melayu, namun secara keseluruhan, bahasa Che Wong masih lagi digunakan dalam kehidupan mereka seharian.

RUJUKAN

- Abdul Talib Bon. (2003). *Kenali kami masyarakat orang asli di Malaysia*. Batu Pahat: Kolej Universiti Tun Hussein Onn.
- Abdullah Hassan.(1989). *Linguistik am untuk guru Bahasa Malaysia*. Petaling Jaya, Malaysia: Fajar Bakti.
- Abdul Hamid Mahmood (1998). *Kesalahan bahasa dalam Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1983). *Perancangan bahasa dengan rujukan khusus kepada perancangan bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2001). *Kaedah penyelidikan bahasa di lapangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2006). *Bahasa Mahmeri*. Kuala Lumpur. Penerbit Universiti Malaya.
- Carey Iskandar. (1976). *Orang asli: The aboriginals tribes of Peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur & New York: Oxford University Press.
- Crystal. D (2002). *Language death*. Cambrigde University Press.
- Crystal, D. (2002). *Mengapakah bahasa mati?* (Azizah Md.Hussin, Penterjemah). Jurnal Bahasa.
- Ethnologue (2005). *Languages of the world*. Dallas: SIL International
- Harun Mat Piah. (2003). *Sastera rakyat Malaysia, Indonesia, Negara Brunei Darussalam: Satu Perbandingan*. Dewan Bahasa Dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2007). *Asas fonetik*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Jamilah Bebe, Anis Nabila, Jamal Rizal (2016). Faktor-Faktor Keterancaman Budaya Material Masyarakat Orang Asli Che Wong. *Journal of Education and Social Science*.
- Lamsir Bin Asib (2011). *Faktor sosiolinguistik dan hubungannya dengan pemupusan bahasa Bajau Samah di daerah Kota Belud, Sabah* (Tesis Master tidak diterbitkan). Universiti Putra Malaysia.
- Lyons, J. (1970). *Noam Chomsky*. New York: The Viking Press.
- Mat Jidin Ahmad. (1994). *Sastera rakyat dalam masyarakat orang asli* (Latihan Ilmiah Tidak diterbitkan). Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Sharifudin Yusop. (2007). *Keusangan bahasa orang asli Melayu proto: Kajian sosiologi bahasa terhadap dialek Duano dan Kanaq di Johor* (Tesis Doktor Falsafah tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Sharifudin Yusop.(2013). *Keterancaman bahasa orang asli Duano dan Kanaq*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Nur Faaizah Mohd Adam, Mohd Sharifudin, Riduan Makhtar. (2018). Bahasa orang asli Jahut: Penelitian aspek fonologi dan leksikal. *Jurnal Antarabangsa Pendidikan, Psikologi dan Kaunseling*.
- Saadiah Maalip. (2014). Pemilihan bahasa: Proses peralihan bahasa masyarakat orang asli Che Wong. *Jurnal Melayu*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Santrol Abdullah. (2016). *Etnolinguistik bahasa Vaie di Sarawak, Malaysia* (Tesis Doktor Falsafah tidak diterbitkan). Universiti Putra Malaysia.
- Skeat, W.W. Blagden, Co. (1906). *Pagan races of the Malay Peninsula* (Vol. I & II). London: Micmillan and Co.
- Stokhof. (2012). *Beberapa catatan mengenai bahasa terancam di Pulau Alor dan Panjar (Indonesia Timur)*. Malaysia. Universiti Sains Malaysia.
- Zaharani. (2005). *The phonology-morphology interface in Malay: An optimality theoretic*. Canberra: Pacific Language.

Tarikh Peroleh (*received*): 08 Jun 2020

Tarikh Terima (*accepted*): 08 Disember 2020